

EDISI MAC & APRIL

E-BULETIN

VERSI PELAJAR



2022

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG

Sebuah penerbitan digital secara berkala oleh Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang Sesi 2021/2022 dalam merekod pencapaian dan kecemerlangan mahasiswa mahasiswi UiTM Cawangan Pulau Pinang yang diedarkan secara percuma di laman sesawang:

<https://sites.google.com/view/mppuitmcpp>

E-buletin ini akan diterbitkan untuk memaparkan aktiviti-aktiviti menarik yang berlaku sepanjang bulan tersebut.

Tips: Terdapat juga perkataan/gambar yang boleh ditekan dan akan membawa anda terus ke pautan yang berkaitan.

Penerbit

Majlis Perwakilan Pelajar Pulau Pinang
UiTM Cawangan Pulau Pinang
Sesi 2021/2022

Penaung

Prof. Ts. Dr. Salmiah Binti Kasolang
Rektor
UiTM Cawangan Pulau Pinang

Penasihat

Ts. Dr. Mohd Rozaiman Bin Aziz
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
UiTM Cawangan Pulau Pinang

Editor

Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar
Exco Perhubungan Korporat dan
Akademik

Pereka Grafik

Saudari Nur Anis Fatihah Binti Aeidi Amin
Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh
Kampus Bertam



MAJLIS
PERWAKILAN
PELAJAR
SESI 2021/2022



SEKRETARIAT
MAJLIS
PERWAKILAN
PELAJAR
SESI 2021/2022

PENYATUAN KALAM ILAHI & JIWA INSANI

13



14-
15

AU REVOIR JAHILLIAH

IHYA' RAMADHAN

16-
18




19

WE LEARN, WE SHARE

MEDICAL NEGLIGENCE

20



'Kolaborasi Optimis, Peneraju Paradigma'

Ihya' Ramadhan

Kelab Environmental Health Student Association (EHSAn) dengan kerjasama Occupational Therapy Students (OTHENS) telah menjalankan sebuah program kerohanian yang bertajuk Ihya Ramadan. Program ini bertujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan kepada para mahasiswa dan mahasiswi berkenaan ibadah puasa disamping terus istiqamah dan fokus untuk menjalankan amalan mulia bersempena dengan bulan Ramadan.

Program ini telah berlangsung pada 22 April 2022 iaitu pada hari Jumaat dan berlangsung selama 3 jam daripada jam 9.30 malam hingga 11.30 malam. Dengan berkat dan usaha daripada semua pihak, program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan oleh para pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Mohamad Azhar Bin Mohd Noor kerana sudi merasmikan program pada malam tersebut. Sepanjang aktiviti berlangsung, terdapat banyak penyertaan dan penglibatan daripada pelajar bagi kursus program masing-masing.

Ihya' Ramadhan

Program Ihya' Ramadan yang telah berlangsung ini merupakan program yang melibatkan aktiviti pertandingan yang memerlukan penyertaan daripada para pelajar bagi setiap kursus program. Antara pertandingan yang telah dijalankan ialah pertandingan video kreatif bersempena dengan bulan Ramadan dalam kategori Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pemenang bagi pertandingan yang dianjurkan telah mendapat hadiah yang disediakan oleh AJK program.

Selain itu, saudari Nur Wafa daripada kursus Kesihatan Persekitaran juga sudi mengalunkan bacaan ayat Al-Quran selama 20 minit bagi memberkati lagi majlis pada malam itu.

Sesi Kahoot turut dilaksanakan bagi membantu mahasiswa menimba ilmu kerana soalan yang ditujukan adalah soalan berkaitan dengan bulan Ramadan. Sesudah itu, sesi fotografi dijalankan dan program diakhiri dengan lagu UiTM Dihatiku dan doa Rabitah.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam

IHYA' Ramadan

"AL-QURAN RECITATION"

KAHOOT ACTIVITIES

Come and join us!

DATE : 22 APRIL 2022 (FRIDAY)
TIME : 9.30 PM
PLATFORM : GOOGLE MEET

E-ACTIVITY PROVIDED!!

PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN REKAAN VIDEO

FOR ANY INQUIRIES, CAN CONTACT



- **IMANUDIN** 011-16439621
- **WAN NUR IZWANI** 019-7324053

Live watch on Youtube and Facebook

ehson.uitm

I L Y A ' R A M A D H A N

Lazimnya, program kerohanian seperti ini sewajarnya menjadi salah satu program rutin yang perlu dijalankan semasa bulan Ramadan. Hal ini demi meningkatkan keimanan dan pengetahuan mahasiswa disamping melatih diri mereka untuk menjadi khalifah di bumi ini yang sentiasa taat dan patuh kepada segala perintah-Nya. Sifat kerohanian perlu dipupuk dalam diri semua pelajar terumanya pada masa kini.



EDISI MAC & APRIL
E-BULETIN
V E R S I P E L A J A R



2022



◆————◆
T A M A T
◆————◆